

Soalan No: 25

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK LIANG TECK MENG**  
**[SIMPANG RENGAM]**  
**TARIKH : 2.8.2017**  
**SOALAN :**

**Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan statistik terkini (2013 - kini) kes buli mengikut tahap persekolahan, jantina dan keturunan, dan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian (selain daripada kaunseling) dalam membanteras gejala buli dalam kalangan pelajar.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Peratusan murid terlibat dalam salah laku buli yang direkodkan dalam Sistem Sahsiah Diri Murid adalah terkawal dengan trends yang menurun. Sebanyak 0.08 peratus murid yang melakukan salah laku buli pada tahun 2012 dan 2013, 0.06 peratus murid pada tahun 2014 dan 2015, dan 0.07 peratus pada tahun 2016. Dalam tempoh Januari hingga Jun 2017, sebanyak 0.02 peratus murid terlibat dalam gejala tersebut.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memandang serius dan mengambil beberapa langkah proaktif dalam membendung gejala buli melibatkan murid di sekolah. Antaranya melalui usaha pencegahan dengan

pelaksanaan arahan beberapa surat pekeliling seperti Surat Siaran Menangani Tingkah laku ala samseng dalam Kalangan Murid bertarikh 11 Mac 2009, Surat Pekeliling Iktisas Bilangan 8 tahun 2010 Garis Panduan Mencegah dan menangani Perbuatan Buli dalam kalangan Murid di sekolah, Surat Siaran Pematuhan Garis Panduan Mencegah dan Menangani Perbuatan Buli dalam kalangan murid di sekolah bertarikh 11 November 2014 dan Surat Pekeliling Iktisas Bil 7/2011; Pelaksanaan *Standard Operating Procedure 1:3:7* Pelaporan dan Tindakan Menangani Isu Disiplin Murid tahun 2011. Usaha pemulihan dan bimbingan kepada mangsa buli juga dilaksanakan melalui Guru Bimbingan dan Kaunseling sekolah dengan kerjasama ibu bapa dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan. Bagi memantapkan langkah pencegahan dan penguatkuasaan disiplin murid termasuk gejala buli, KPM telah menjalinkan kerjasama dengan agensi luar seperti Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia, di antaranya melalui Program Remaja Berwawasan.

**SOALAN ( 26 )****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 2 OGOS 2017  
[ RABU ]**

**DARIPADA : YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG  
[LANANG]**

**SOALAN :-**

**YB Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan :-**

- (a) jumlah peruntukan yang diluluskan untuk membina Balai Bomba baru di Sibujaya dan bilakah ia akan dibina; dan
- (b) sama ada Kementerian akan menambahbaikkan jentera dan peralatan di Balai Bomba Sibujaya.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan yang diluluskan untuk membina Balai Bomba Sibu Jaya adalah sebanyak RM 9 juta. Ianya kini dalam proses penyediaan tender dan kerja-kerja pembinaan dijangka bermula pada Disember 2017.
- (b) Pada masa ini, kekuatan jentera dan peralatan di Balai Bomba dan Penyelamat Sibu adalah mencukupi di mana 2 buah jentera bomba telah dibekalkan pada tahun 2013 dan 2014 manakala sebuah jentera Emergency Medical Rescue Services (EMRS) telah dibekalkan ke balai tersebut pada tahun 2014. Balai bomba tersebut juga mendapat sokongan daripada Balai Bomba dan Penyelamat Sungai Merah. Selain daripada itu, menjelang tahun 2019 tahap perlindungan keselamatan kebakaran di kawasan Sibu juga akan meningkat apabila Balai Bomba dan Penyelamat Sibu Jaya siap dibina.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Julai 2017